

# AKIDAH TRANSGENDER MAK NYAH MUSLIM DAN KONSEP TAUBAT MELALUI PEMIKIRAN IMAM AL-GHAZALI

Norhidayah Mohamad Nawawy & Hasan Ahmad  
Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang

## Abstrak

*Kajian ini bertujuan untuk meneroka pengalaman transgender mak nyah Muslim, isu akidah yang mereka hadapi ketika menjadi transgender mak nyah dan di akhir kajian akan dapat menghasilkan konsep taubat yang boleh diaplikasikan kepada golongan transgender mak nyah berdasarkan pemikiran Imam al-Ghazali. Bagi kajian yang berkaitan akidah transgender mak nyah Muslim ini, pengkaji telah memilih kerangka metodologi penyelidikan yang berbentuk kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Selain itu, dalam kajian kes ini, pengkaji telah menggunakan seramai lima orang peserta kajian yang telah mengidentifikasikan diri mereka sebagai bekas transgender mak nyah yang telah bertaubat untuk dijadikan sebagai sampel utama dalam kajian ini. Pengkaji telah menggunakan tiga teknik triangulasi dalam pengumpulan data iaitu melalui kaedah 5 set temu bual secara mendalam, 5 set senarai semak pemerhatian dan 46 dokumen analisis manakala 5 orang peserta kajian adalah sebagai data sumber. Data yang telah dikumpulkan dianalisis menggunakan perisian NVivo-12. Kebolehpercayaan data pula diperoleh dengan mendapatkan perakuan pakar berasaskan nilai persetujuan pekali Cohen's Kappa. Secara keseluruhannya dapatan kajian ini telah menyumbang kepada beberapa penemuan baru antaranya yang pertama, pengkaji telah mendapati gejala ini telah bermula sejak kecil, remaja sehingga meningkat dewasa dan antara faktor utama gejala ini berlaku berpunca daripada diri sendiri, keluarga, persekitaran dan rakan-rakan. Penemuan kedua yang telah diperoleh dalam kajian ini, terdapat dua isu akidah utama yang menyebabkan terjadinya gejala transgender mak nyah iaitu isu berkaitan pemahaman dan penghayatan dalam perkara al-Ilahiyyat dan al-Sam'iyat. Manakala dalam penemuan ketiga, pengkaji telah mengenal pasti empat peringkat dalam konsep taubat oleh Imam al-Ghazali boleh diaplikasikan kepada golongan transgender mak nyah melalui ibadah penyucian hati iaitu amalan Mujahadah, Muhasabah, Mu'aqabah dan Muraqabah.*

**Kata Kunci:** Akidah, Transgender Mak Nyah, Isu Akidah, Konsep Taubat Imam al-Ghazali

## Perkembangan Artikel

Diterima: 2/8/2020  
Disemak: 10/11/2020  
Diterbitkan: 15/12/2020

## Penulis Utama:

Norhidayah Mohamad  
Nawawy  
Pusat Sains  
Kemanusiaan,  
Universiti Malaysia  
Pahang, Pekan, Pahang,  
Malaysia

## E-mel:

hidayahfaizal81@gmail.com

## PENDAHULUAN

Masyarakat Islam adalah masyarakat yang diasaskan oleh akidah Islam dan ia merupakan satu-satunya *al-din* yang diutus oleh Allah SWT kepada seluruh umat Islam semenjak zaman umat Nabi Adam AS sehinggalah ke zaman umat Nabi Muhammad SAW. Apabila kita menyebut

perkataan akidah lazimnya kita dapat memahami bahawa ia berkait rapat dengan suatu pegangan, kepercayaan, keyakinan dan keimanan seseorang terhadap sesuatu agama. Berlandaskan kepada kefahaman ini, maka setiap mukmin itu sewajarnya meletakkan keutamaan kepada soal akidah dalam seluruh aktiviti kehidupannya termasuklah dalam aspek yang berkaitan dengan jantina dan seksualiti manusia (Mohd Fauzi Hamat, 2002) agar seluruh perancangan dan pelaksanaannya berjalan seiring dengan prinsip-prinsip keimanan yang diyakini dan mengatasi kehendak manusia. Tujuannya adalah untuk mencegah jenayah yang melanggar tatasusila kekeluargaan dan kemasyarakatan daripada terus berleluasa (Muhd Najib Kadir et al, 2013).

Berbalik kepada isu transgender yang dibincangkan dalam kajian ini mempunyai kaitan yang amat ketara terutama dalam bidang ilmu akidah. Seperti yang dihuraikan sebelum ini, kita sedia maklum bahawa dengan berpegang kepada kepercayaan akidah maka akan membawa seseorang kepada Muslim yang beriman. Dalam Islam, menurut Imam al-Nawawi dalam Kitab *al-Majmu'* seorang lelaki yang sifat fizikalnya secara semulajadi adalah lembut dan tiada sebarang perbuatan sumbang yang dilakukannya maka ia tidak menjadi suatu kesalahan jika mutlak keadaannya seperti itu dan tidak mampu meninggalkan kelembutannya (Manual Islam & Mak Nyah, 2016).

Namun begitu, mutakhir ini terdapat satu kecenderungan seksual yang dilihat semakin agresif dan jelas menyongsang daripada peraturan fitrah yang telah ditentukan oleh Islam. Kecenderungan ini dapat diterjemahkan dengan satu istilah ringkas iaitu LGBT (*lesbian, gay, biseksual, dan transgender*) (Noor Hafizah Haridi, et al, 2016). Akan tetapi bagi kajian ini pengkaji telah memfokuskan perbincangan ini kepada satu istilah sahaja iaitu golongan yang digelar sebagai 'transgender mak nyah' yang mana gelaran ini telah diguna pakai oleh golongan lelaki yang menyerupai perwatakan seperti 'wanita'.

Perbincangan dalam kajian ini akan memfokuskan mengenai pengalaman transgender mak nyah sebelum mereka bertaubat, isu akidah mak nyah sebelum mereka bertaubat dan di akhir kajian ia memberi tumpukan kepada konsep taubat yang boleh menjadi pegangan kepada golongan transgender mak nyah setelah mereka bertaubat. Konsep taubat yang digunakan dalam kajian ini ialah hasil daripada pemikiran oleh ulama Islam yang terkenal dalam pengajian Islam termasuk ilmu akidah iaitu Imam al-Ghazali. Melalui konsep taubat ini juga telah dapat dikenal pasti empat peringkat proses taubat Imam al-Ghazali yang boleh diaplikasikan oleh golongan transgender mak nyah yang telah bertaubat iaitu melalui amalan penyucian hati *Mujahadah, Muhasabah, Mu'aqabah dan Muraqabah*.

## PERNYATAAN MASALAH

Melalui kajian ini, pengkaji telah dapat mengenal pasti tiga faktor utama permasalahan akidah yang menjadi isu kepada transgender mak nyah antaranya dalam perkara *al-Ilahiyyat, al-Nabawiyyat* dan *al-Sam'iyyat*. Faktor pertama yang menjadi permasalahan akidah dalam kalangan transgender mak nyah Muslim ini mempunyai kaitan dalam perkara *al-Ilahiyyat*. Dalam perkara *al-Ilahiyyat*, Mohd Aizam Mas'od menjelaskan ia berkaitan dengan rukun iman yang pertama iaitu keimanan terhadap Allah SWT dan rukun iman keenam iaitu keimanan terhadap qada' dan qadar Allah SWT (Mohd Aizam Mas'od, 2013). Secara umumnya terdapat kecenderungan yang mengatakan bahawa sebilangan umat Islam hari ini masih kurang faham mengenai konsep *al-Ilahiyyat*. Konsep *al-Ilahiyyat* ini termasuklah proses mengenali Allah dengan sifat-sifat-Nya dan beriktikad dengan Allah yang memiliki nama-nama Allah yang Maha Agung (Faizuri Abd Latif, 2010).

Masalah akan timbul apabila dalam kalangan transgender mak nyah ini kurang pengetahuan, kefahaman dan penghayatan kepada perkara *al-Ilahiyyat* menyebabkan berlakunya beberapa sifat mazmumah seperti kufur, munafik dan murtad (Ahmad Dasuki al-

Qari, 2015). Selain itu juga, menurut Abu Uthman Ismail (2014) kekurangan ilmu pengetahuan tentang perkara *al-Ilahiyyat* ini akan menimbulkan sifat mazmumah lain iaitu sifat *nifaq marad al-qalb* (sakit jiwa) dan sifat *nifaq marad shahwah* (gila seks). *Marad al-qalb* ini ialah satu sifat di mana dalam hati mereka ada sifat *nifaq*, *shakk* dan kufur sehingga tidak dapat melihat yang benar itu sebagai benar dan ragu akan kudrat Allah SWT serta tidak meyakini janji-Nya. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, Juzuk 1, ayat 10 yang bermaksud:

Dalam hati mereka itu terdapat penyakit. Justeru Allah menambahkan lagi penyakit tersebut buat mereka. Mereka pula akan memperoleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya kerana mereka berdusta (Tafsir Mubin, Jilid 1, Juzuk 1-5, 2009).

Dalam ayat di atas menjelaskan dalam hati mereka itu terdapat keraguan dan sifat *nifaq*. Lantaran itu Allah SWT telah menambah penyakit tersebut terhadap hati mereka dengan kesesatan yang sedia ada. Yang dimaksudkan penyakit dalam ayat ini bukan penyakit tubuh badan tetapi penyakit yang mempunyai kaitan dengan iktikad dan kepercayaan seseorang kepada Allah SWT. Mereka ini juga akan menerima azab yang tidak terperi sakitnya dengan mempersendakan ayat-ayat Allah SWT.

Manakala bagi sifat *nifaq marad shahwah* (gila seks) juga merupakan salah satu penyakit hati yang telah disebut oleh Allah dalam surah al-Baqarah ayat 10 seperti di atas (Abu Uthman Ismail, 2014). Gila seks yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah dengan melakukan kerosakan dan kemungkaran di muka bumi Allah ini termasuklah dalam amalan aktiviti seks songsang, meninggalkan solat dan meninggalkan kitab Allah SWT. Allah SWT telah berfirman dalam surah al-Baqarah, Juzuk 2 ayat 204 yang bermaksud:

Antara manusia itu ada orang yang boleh mengagumkan diri engkau kerana kata-katanya (yang menarik) tentang kehidupan dunia. (Tambahan pula), dia bersumpah dengan (mengatakan) Allah menjadi saksi terhadap perkara yang ada di dalam hatinya. Padahal, dialah orang yang sangat keras permusuhannya (kepadamu) (Tafsir Mubin, Jilid 1, Juzuk 1-5, 2009).

Dalam firman ini menjelaskan kepada kita bahawa ada di antara manusia yang pandai berkata-kata dan pandai menunjukkan kebaikan di hadapan orang lain tetapi pada hakikatnya hatinya amat kuat menentang Islam, kitab dan sunnah serta sombong dengan dosa-dosanya serta tidak menerima nasihat dari orang-orang yang bertaqwa.

Bagi permasalahan kedua dalam perkara *al-Ilahiyyat*, pengkaji dapati dalam kalangan transgender mak nyah mempunyai masalah dalam mempercayai dan meyakini takdir dan ketentuan Allah SWT. Yakin dan percaya kepada takdir dan ketentuan Allah ini adalah salah satu perkara penting yang terdapat dalam rukun iman yang keenam iaitu beriman dengan qada' dan qadar Allah SWT dan mempunyai kaitan yang rapat dengan rukun iman yang pertama iaitu beriman kepada Allah SWT (Said Ibrahim, 1996). Apabila perkara ini ditimbulkan maka secara tidak langsung kita perlu fahami bahawa meyakini dan mempercayai kedua-dua asas ini adalah suatu kewajipan dalam ilmu akidah. Apabila kita yakin dan beriman dengan qada' dan qadar serta reda dengan takdir tersebut maka anggaplah segala yang telah ditakdirkan oleh Allah SWT itu sebagai suatu teguran daripada-Nya.

Bagi faktor kedua untuk permasalahan akidah dalam kalangan transgender mak nyah adalah berkaitan perkara *al-Nabawiyyat*. Seperti mana yang kita ketahui dalam perkara *al-Nabawiyyat* perkara asas yang telah diajar kepada kita adalah berkaitan rukun iman ketiga dan rukun iman keempat iaitu beriman kepada Nabi & Rasul serta beriman kepada Kitab-Kitab yang telah diturunkan kepada baginda Rasulullah SAW. Para Nabi dan Rasul juga merupakan manusia biasa yang menjalani kehidupan seharian seperti manusia lain cuma yang membezakan antara kita dan mereka ialah mereka dikurniakan wahyu untuk disampaikan dan

disokong oleh mukjizat.

Dalam konteks perkara *al-Nabawiyyat*, pendekatan yang perlu diambil lebih mengutamakan kepada penegakan risalah dan sunnah yang ditinggalkan oleh baginda itu sendiri. Perbahasan ini telah dicungkil apabila pengkaji melihat antara permasalahan *al-Nabawiyyat* dalam kalangan transgender mak nyah ini ialah berkaitan dengan sunnah Rasulullah SAW dalam isu perkahwinan. Rata-rata sekiranya ditanya kepada golongan transgender mak nyah ini tentang isu perkahwinan walaupun mereka telah bertaubat mereka tetap akan menjawab masih belum bersedia. Ini kerana mereka merasakan bahawa mereka tiada nafsu untuk mengahwini golongan wanita kerana menganggap wanita itu seperti ibu, kakak, adik dan rakan sahaja dan tidak lebih dari itu (Manual Islam & Mak Nyah, 2013). Selain itu juga, walaupun mereka telah bertaubat tetapi mereka masih sukar untuk membuang naluri tersebut secara sepenuhnya dan perasaan untuk diberi perhatian dilindungi dan dikasihi dari seorang lelaki masih ada cuma sifat tersebut masih boleh dikawal.

Antara faktor permasalahan akidah ketiga dalam kajian ini adalah berkaitan dengan perkara *al-Sam'iyat* dalam rukun iman. Menurut Mohd Aizam Mas'od, perkara *al-Sam'iyat* adalah perkara yang membincangkan tentang keimanan terhadap perkhabaran ghaib yang diwahyukan oleh Allah SWT dalam al-Quran. Skop perbincangannya adalah berkaitan dengan rukun iman yang kedua iaitu beriman dengan malaikat dan rukun iman yang kelima iaitu beriman dengan hari kiamat (Mohd Aizam Mas'od, 2013). Bagi masalah kajian ketiga ini perbahasan hanya melibatkan perkara ghaib yang melibatkan makhluk lain seperti jin, syaitan dan iblis. Kepercayaan yang telah digunakan dalam kalangan transgender mak nyah ini dalam perkara *al-Samiyyat* ini adalah berbentuk kepercayaan kepada perkara-perkara yang ghaib sehingga ia boleh menjerumuskan seseorang itu ke arah perkara syirik dan kufur sekiranya ia tidak dikawal dengan baik.

Antara perkaitan antara ilmu akidah dan isu transgender mak nyah ini, mereka ini lebih mempercayai, meyakini dan mengamalkan tentang kewujudan perkara-perkara yang syirik dan khurafat sehingga menimbulkan sifat kufur, munafik dan murtad kepada Allah SWT (Ahmad Dasuki al-Qari, 2015). Syirik membawa maksud mempersekutukan Allah SWT dengan sesuatu yang lain pada sifat *al-Ulluhiyyah* (berhak disembah, dicintai dan dipatuhi perintah-Nya ataupun pada sifat *al-Rububiyyah* (menjadikan, mentadbir dan menguruskan alam). Maka sesiapa yang menganggap mana-mana dari sifat-sifat tersebut ada pada Allah SWT nescaya ia telah melakukan syirik dengan Allah SWT walaupun pada ketika itu ia mengaku beriman dengan Allah SWT (Faizuri Abd Latif, 2010). Ia telah dijelaskan melalui firman Allah SWT dalam surah Yusuf, Juzuk 12, ayat 106 yang bermaksud:

Dan kebanyakan mereka tidak beriman kepada Allah melainkan mereka menyekutukan-Nya juga dengan yang lain (Tafsir Mubin, Jilid 3, Juzuk 11-15, 2009)

Melalui ayat di atas jelas membuktikan bahawa mereka ini beriman kepada Allah SWT akan tetapi dalam masa yang sama mereka tidak sunyi dari berbuat syirik. Syirik yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah dalam bentuk spiritual yang mana mereka ini telah terpengaruh dan mempercayai amalan-amalan ilmu hitam dan dunia mistik (Manual Islam & Mak Nyah, 2013).

Sebagai kesimpulannya, melalui tiga faktor utama permasalahan kajian yang telah dibincangkan di atas wajarlah kajian ini perlu dijalankan di bawah tajuk "Akidah Transgender Mak Nyah Muslim dan Konsep Taubat Melalui Pemikiran Imam al-Ghazali". Selain itu juga kajian ini bertujuan untuk mengisi kelompong-kelompong yang belum ada dalam kajian lain dalam meneroka pengalaman mak nyah, meneroka isu akidah dan meneroka jalan penyelesaian melalui konsep taubat mengikut pemikiran Imam al-Ghazali.

## OBJEKTIF KAJIAN


Objektif utama kajian ini dijalankan adalah untuk meneroka dengan lebih mendalam seperti perkara di bawah:

- i. Meneroka tentang pengalaman kehidupan menjadi transgender mak nyah
- ii. Menganalisis isu akidah transgender mak nyah melalui pemahaman dan penghayatan rukun iman dalam perkara *al-Ilahiyyat* dan *al-Sam'iyat*
- iii. Menghasilkan konsep taubat yang diamalkan melalui pengetahuan, pemahaman dan penghayatan rukun iman dalam perkara *al-Ilahiyyat*, *al-Nabawiyyat* dan *al-Sam'iyat* dalam kalangan transgender mak nyah


## METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian merupakan kaedah yang telah digunakan oleh pengkaji dalam melakukan keseluruhan kajian ini sama ada untuk mengumpul maklumat data, menganalisis data dan untuk kesahan dan kebolehpercayaan telah diambil kira bagi menjamin kualiti kajian agar tepat dan boleh dipercayai. Dalam masa yang sama ia juga untuk memastikan pengkaji sentiasa konsisten melakukan kajian secara akademik dan saintifik. Bagi kajian yang berkaitan Akidah Transgender Mak Nyah Muslim ini, pengkaji telah memilih kerangka metodologi dalam penyelidikan berbentuk kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Ini kerana reka bentuk kajian kes secara kualitatif sesuai untuk meneroka pengalaman, mengenal pasti isu akidah dan mengenal pasti konsep taubat dalam menangani isu akidah transgender mak nyah (Marohaini Yusoff, 2013; Merriam, 2009).

Dalam kajian ini pengkaji telah memilih seramai lima orang peserta dan ia telah dipilih melalui teknik persampelan '*purposive*' (bertujuan) iaitu pengkaji menentukan tujuan yang ingin diperolehi daripada peserta kajian. Setelah peserta kajian benar-benar bersedia, pertemuan fasa kedua dijalankan dengan menemu bual berpandukan protokol soalan yang telah disediakan. Temu bual secara mendalam ini telah dijalankan terhadap lima orang peserta kajian sehingga mencapai titik ketepuan dan membolehkan kaedah triangulasi data dilakukan. Apabila data di dapati telah tepu, pengkaji menamatkan proses pengumpulan data (Glesne, C. & Peshkin, P., 1992). Bagi semua perbualan temu bual telah dirakamkan menggunakan alat perakam Sony 4GB sebagai alat perakam utama, manakala rakaman sokongan dibuat dengan menggunakan *voice recording* telefon pintar OPPO F9 pengkaji. Rajah 1 menunjukkan aliran tatacara kajian yang dijalankan dan rajah 2 merupakan gambaran keseluruhan metodologi kajian pengkaji.



Rajah 1: Aliran Tatacara Menjalankan Kajian



Rajah 2 :Gambaran Keseluruhan Metodologi Kajian

Kajian penyelidikan yang menggunakan kaedah kualitatif akan melibatkan proses pengumpulan data. Dalam kajian Marohaini Yusoff (1996), beberapa teknik pengumpulan data digunakan untuk menghasilkan seberapa banyak data deskriptif bagi mendapatkan gambaran yang holistik tentang pengetahuan, kefahaman dan penghayatan ilmu akidah dalam kalangan transgender mak nyah yang dipilih. Untuk tujuan tersebut, tiga teknik utama yang biasa digunakan dalam kajian kualitatif, iaitu: i) temu bual; ii) pemerhatian; dan iii) analisis

dokumen (Spradley, 1980; Merriam, 1988; Bogdan & Biklen, 1998) telah digunakan sepanjang tempoh kajian dilaksanakan.

### ***Temu Bual Secara Mendalam (In-Depth Interview)***

Kaedah temu bual secara mendalam adalah merupakan proses bagi mendapatkan maklumat dengan cara bertanya secara langsung kepada peserta kajian. Kaedah ini telah digunakan oleh pengkaji sebagai kaedah utama pengumpulan data bagi mendapatkan keabsahan dan kebolehpercayaan kepada kajian yang sedang dijalankan. Bagi kajian yang menggunakan reka bentuk kajian kes, kaedah temu bual adalah kaedah yang baik bagi mengumpulkan maklumat. Menurut Dahlia (2011) kaedah temu bual mempunyai kekuatan bagi mendapatkan maklumat dan fakta yang penting. Secara keseluruhannya, pengkaji telah membina sebanyak 30 item soalan protokol untuk menjawab keseluruhan tiga persoalan kajian. Dalam kajian ini, sebanyak 5 rakaman temu bual telah dijalankan dalam satu fasa kutipan data. Jumlah keseluruhan rakaman sesi temu bual adalah sebanyak 389 minit bersamaan dengan 6 jam 48 minit.

### ***Kaedah Pemerhatian***

Memandangkan objektif utama kajian ini adalah untuk meneroka isu akidah dan mengenal pasti konsep taubat yang digunakan oleh golongan transgender mak nyah ini maka pemerhatian merupakan teknik kedua terpenting yang digunakan dalam mengumpulkan data. Menurut Kidder (1981) pemerhatian yang digunakan dapat berfungsi sebagai hala tuju penyelidikan yang terancang, spontan, direkodkan secara tersusun dan faktor kesahan dan kebolehpercayaannya dapat diperiksa dan dikawal. Melalui proses pemerhatian, pengkaji dapat mendengar, merapatkan diri, memerhati dan melihat apa yang berlaku dalam kalangan transgender ini seperti penampilan diri, sikap dan pergaulan antara rakan dan orang awam serta keterlibatan dalam aktiviti keagamaan dan telah direkodkan dalam borang pemerhatian. Hal ini amat penting bagi membolehkan pengkaji meneroka proses yang dilalui oleh golongan transgender mak nyah ini dari kaca mata mereka sendiri (Patton, 1980).

### ***Kaedah Analisis Dokumen***

Selain daripada pengumpulan data secara kaedah temu bual mendalam dan pemerhatian, pengkaji juga telah menggunakan kaedah ketiga iaitu analisis dokumen sebagai satu lagi kaedah kutipan data. Merriam (1998) telah menyifatkan dokumen sebagai sumber data yang ketiga pentingnya dalam penyelidikan kes seperti kajian yang dijalankan ini. Ia disokong oleh pendapat Suseela (2013) menyatakan bahawa data daripada sebarang dokumen menjadi salah satu sumber bukti dalam penyelidikan kajian kes. Dalam kajian ini jenis dokumen pertama yang digunakan adalah berbentuk rekod awam (Bogdan & Biklen, 1998) yang lebih merupakan dokumen rasmi persatuan mak nyah di Negeri Pahang dibawah nama Persatuan Insaf Pahang (PIP). Dokumen ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat latar belakang persatuan dan statistik tentang jumlah keseluruhan transgender mak nyah di daerah Kuantan Pahang dan statistik jumlah keseluruhan transgender mak nyah yang telah berubah. Selain itu juga pengkaji telah mengumpulkan beberapa laporan Minit Mesyuarat Agong Tahunan Persatuan Insaf Pahang bagi mendapatkan gambaran tentang perkara umum yang sering dibincangkan dan diberi perhatian dalam mereka berpersatuan.

Jenis dokumen yang kedua ialah dokumen peribadi yang dihasilkan oleh seseorang individu yang berkenaan, iaitu peserta kajian dalam konteks kajian ini (Bogdan & Biklen, 1998). Data dokumen seperti ini didapati daripada pengutipan buku Rekod Mengaji Iqra' dan al-Quran yang telah dibangunkan sendiri oleh pengkaji sejak menjadi tenaga pengajar al-Quran

kepada mereka bermula dari tahun 2016 hingga sekarang tahun 2020. Pemerolehan data daripada dokumen tersebut telah membantu pengkaji untuk menilai sejauh mana kesungguhan mereka untuk mengikuti kelas mengaji pada setiap minggu. Boleh dikatakan bahawa maklumat yang didapati daripada dokumen ini boleh membekalkan pengkaji dengan maklumat asas sebelum temu bual dijalankan. Jenis dokumen ketiga adalah melalui bukti fizikal yang mana pengkaji telah mendapat kerjasama dan kesanggupan dari peserta kajian untuk berkongsi gambar dan foto ketika mereka di dalam dunia mak nyah dan perbandingan bukti fizikal telah dibuat berdasarkan kepada gambar mereka telah berhijrah sebagai bahan bukti dokumen untuk dianalisis. Sehubungan itu juga, pengkaji telah menerima beberapa keping gambar kad pekerja masing-masing sebagai bukti mereka telah melakukan kerja lebih diredai oleh Allah SWT.

Secara keseluruhannya dalam kajian ini pengkaji telah dapat mengumpulkan beberapa jenis dokumen antaranya; i) Dua Salinan Laporan Minit Mesyuarat Agong Tahunan Persatuan Insaf Pahang bermula sesi tahun 2016 hingga 2017; ii) 5 salinan set buku rekod mengaji Iqra' & al-Quran setiap peserta kajian; iii) 12 gambar-gambar berkaitan aktiviti *mukhayam* dan keagamaan golongan transgender mak nyah; iv) 3 keratan surat khabar tentang penghijrahan; v) 10 gambar identiti peserta kajian ketika berada dalam dunia mak nyah dan 10 gambar identiti mereka setelah berhijrah; vi) 4 gambar kad pekerjaan masing-masing dan jumlah keseluruhan dokumen yang telah dikumpulkan sebanyak 46 dokumen.

### ***Proses Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian***

Dalam pendekatan kualitatif, kesahan merujuk kepada kejujuran pengkaji semasa proses mengutip data, menganalisis data dan akhir sekali menginterpretasikan data dalam menjawab persoalan kajian (Bogdan & Biklen 1998; Creswell 2013; Miles, Huberman & Saldana 2014) dan bagaimana kajian dapat dipadankan dengan pasti ke atas realiti yang sebenar (Merriam 2009). Pengkaji juga merupakan instrumen utama yang boleh dipercayai dalam proses pengutipan data (Creswell, 2013). Kejujuran pengkaji atau kesahan instrumen dipastikan dengan teknik reflektiviti pengkaji, triangulasi dan jejak audit (Creswell, 2014b).

Kebolehpercayaan pula merujuk kepada sejauh mana dapatan kajian boleh diulang untuk memberikan hasil yang sama (Merriam 2009; Zanaton Iksan et al, 2016). Kebolehpercayaan merupakan darjah ketekalan data yang diperolehi dalam setiap kategori mempunyai kesamaan jika diambil oleh pengkaji yang berbeza atau diambil oleh pengkaji yang sama di tempat yang berbeza. Yin (2014) menyatakan matlamat kebolehpercayaan dalam kajian kes adalah untuk meminimumkan kesalahan dan bias dalam kajian. Guba & Lincoln (1982) mencadangkan empat kriteria yang membolehkan sesuatu kajian itu diuji dari segi kualiti dan kebolehpercayaan (*trustworthiness*) iaitu, i) kredibiliti; ii) kebolehpindahan (*transferability*); iii) kebolehsandaran (*dependability*) dan; iv) kebolehsahan (*confirmability*).

Kredibiliti adalah merujuk kepada kesahan dalaman iaitu kaedah yang dijalankan dapat menggambarkan secara tepat dan benar terhadap fenomena yang dikaji (Morrow, 2005). Kebolehpindahan merujuk kepada perkara yang hampir sama dengan konsep generalisasi (Morrow, 2005). Kebolehsandaran merujuk kepada kebolehpercayaan dapatan menjangkaui masa, pengkaji dan teknik menganalisis sesuatu kajian (Morrow, 2005). Kebolehsahan adalah berkait rapat dengan kebolehsandaran iaitu apabila data mewakili pengalaman peserta kajian dan bukan dipengaruhi oleh bias mahupun agenda pengkaji. Kebolehsahan bersandarkan kefahaman bahawa integriti kajian bergantung kepada data yang diperolehi dan pengkaji harus mencatatkan data, memproses secara anatikal segala dapatan dengan secukupnya supaya pembaca dapat mengesahkan kecukupan dapatan tersebut dan dapat dilakukan melalui teknik jejak audit (Morrow 2005; Shenton, 2004), triangulasi dan persetujuan antara pakar (Shenton, 2004).



Yin (2009) mencadangkan agar pengkaji menggunakan taktik kesahan merangkumi kesahan konstruk (tema), kesahan dalaman dan kesahan luaran. Untuk mendapat kesahan konstruk (tema), teknik yang boleh digunakan melalui pelbagai sumber, membentuk rangkaian bukti dan menyemak laporan kajian. Kesahan dalaman pula boleh diperolehi melalui teknik memadamkan pola-pola, membina penjelasan, melakukan analisis berterusan dan program model logik. Manakala kesahan luaran boleh dilakukan dengan menggunakan replika dalam kajian sumber. Merriam (2009) telah mencadangkan enam kaedah menentukan kesahan dalaman iaitu melalui proses berikut: i) triangulasi merupakan proses pengkaji menggunakan pelbagai kaedah pungutan data untuk mengesahkan dapatan; ii) *member checks* yang melibatkan persetujuan dan pengesahan peserta kajian ke atas semakan data verbatim temu bual serta interpretasi awal pembinaan tema; iii) pemerhatian jangka panjang di lapangan adalah menggambarkan pemerhatian yang berulang-ulang terhadap fenomena yang sama bagi memastikan kesahan dapatan; dan iv) kolaborasi dengan peserta kajian.

Proses jejak audit telah dijalankan oleh pengkaji sebaik sahaja mendapat kelulusan menjalankan kajian. Dengan menggunakan teknik jejak audit, pengkaji telah mendokumentasikan secara terperinci perkara-perkara yang dilalui dari awal proses sehingga ke peringkat akhir kajian dijalankan. Hal ini termasuklah deskripsi terperinci tentang kaedah pengumpulan data, penghasilan kod dan kategori, sumber perolehan data serta kesimpulan yang dibuat sepanjang perjalanan kajian ini. Semakan kod (*coding check*) merujuk kepada bagaimana pengkaji membina sistem kategori dan pengekodan untuk mengekodkan tema, sub-tema, kategori dan sub kategori daripada koleksi timbunan elemen atau segmen berkaitan daripada data mentah. Pengekodan boleh disemak melalui proses persetujuan antara pakar menggunakan pekali Cohen's Kappa. Pengkaji menggunakan analisis indeks Cohen's Kappa untuk mencari darjah persetujuan unit analisis terhadap tema yang dibina. Kebolehpercayaan data dilakukan dengan memperoleh persetujuan sekurang-kurangnya dua atau lebih dari semakan yang dipersetujui oleh panel-panel ini (Marques & McCall, 2005).

Sebelum penilaian dilakukan, pengkaji telah memberi taklimat mengenai tugas dan tanggungjawab yang perlu dilakukan. Selepas penilaian dijalankan, perbincangan dilakukan dengan kedua-dua pakar berkenaan untuk mengenal pasti persetujuan sama ada berbentuk persamaan atau perbezaan. Sekiranya terdapat persamaan tema tersebut akan dikekalkan sebaliknya jika terdapat perbezaan pengkaji akan memurnikan tema tersebut berdasarkan pandangan pakar atau menggugurkannya. Setelah perbincangan dilakukan, pengkaji mengambil kira nilai persetujuan dan mencari nilai purata bagi kedua-dua nilai berkenaan. Nilai persetujuan oleh kedua-dua orang pakar dan nilai purata persetujuan menggunakan Cohen's Kappa ditunjukkan dalam jadual 4 dan jadual 5.

Jadual 4: Nilai Persetujuan dan Nilai Purata Menggunakan Cohen's Kappa (Pakar 1)

Bil	Tema	Sub-Tema	Kategori	Bilangan Keseluruhan Kategori Sebelum Disetujui	Item Kekal	Item Gugur	Item Murni	Bilangan Keseluruhan Kategori Setelah Disetujui		
1.	Pengalaman Kehidupan Mak Nyah	Memahami Jenis Transgender		4	4	0	0	4		
			Pengalaman waktu kecil	34	34	0	0	34		
		Proses Membesar Menjadi Mak Nyah	Pengalaman waktu remaja & dewasa	78	78	0	0	78		
			Faktor diri sendiri	48	48	0	0	48		
		Pengalaman Menjadi Mak Nyah	Faktor Keluarga	13	13	0	0	13		
			Faktor Persekitaran	2	2	0	0	2		
			Faktor Rakan	5	5	0	0	5		
		<b>JUMLAH</b>				<b>184</b>	<b>184</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>184</b>
		2.	Isu Akidah	Isu Kefahaman Ilmu Akidah	Isu Kefahaman Perkara <i>al-Ilahiyyah</i>	6	6	0	0	6
					Isu Kefahaman Perkara <i>al-Nabawiyyah</i>	3	3	0	0	3
Isu Kefahaman Perkara <i>al-Sam'iyah</i>	10				10	0	0	10		
<b>A) Isu Kefahaman Ilmu Akidah</b>				<b>19</b>	<b>19</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>19</b>		
Isu Akidah	Isu Penghayatan Ilmu Akidah			Isu Penghayatan Perkara <i>al-Ilahiyyah</i>	16	16	0	0	16	
				Isu Penghayatan Perkara <i>al-Nabawiyyah</i>	1	1	0	0	1	
				Isu Penghayatan Perkara <i>al-Sam'iyah</i>	7	7	0	0	7	
				<b>B) Isu Penghayataan Ilmu Akidah</b>				<b>24</b>	<b>24</b>	<b>0</b>
<b>JUMLAH (A + B)</b>				<b>47</b>	<b>47</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>47</b>		
3.	Konsep Taubat			Pengetahuan Tentang Ilmu Akidah	Pengetahuan Perkara <i>al-Ilahiyyah</i>	31	31	0	0	31
		Pengetahuan Perkara <i>al-Nabawiyyah</i>	7		7	0	0	7		

		Pengetahuan Perkara <i>al-Sam'iyah</i>	9	9	0	0	9
<b>A) Pengetahuan Tentang Ilmu Akidah</b>			<b>47</b>	<b>47</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>47</b>
		Kefahaman Perkara <i>al-Ilahiyyah</i>	9	9	0	0	9
Konsep Taubat	Kefahaman Tentang Ilmu Akidah	Kefahaman Perkara <i>al-Nabawiyyah</i>	1	1	0	0	1
		Kefahaman Perkara <i>al-Sam'iyah</i>	8	8	0	0	8
<b>B) Kefahaman Tentang Ilmu Akidah</b>			<b>18</b>	<b>18</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>18</b>
		Penghayatan Perkara <i>al-Ilahiyyah</i>	25	25	0	0	25
Konsep Taubat	Penghayatan Tentang Ilmu Akidah	Penghayatan Perkara <i>al-Nabawiyyah</i>	4	4	0	0	4
		Penghayatan Perkara <i>al-Sam'iyah</i>	4	4	0	0	4
<b>C) Penghayatan Tentang Ilmu Akidah</b>			<b>33</b>	<b>33</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>33</b>
<b>JUMLAH (A + B + C)</b>			<b>98</b>	<b>98</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>98</b>

$$Fa : (184 + 43 + 98) = 325$$

$$Fc : 325/2 = 162.5$$

$$N : 325$$

$$\text{Nilai Persetujuan Cohen's Kappa } K = \frac{Fa - Fc}{N - Fc}$$

$$\frac{325 - 162.5}{325 - 162.5} = \frac{162.5}{162.5} = 1$$

- Fa ialah bilangan item/unit yang dinilai persetujuan oleh setiap pakar
- Fc ialah 50 peratus jangkakan persetujuan
- N ialah jumlah bilangan item/unit yang dinilai persetujuan
- Nilai persetujuan Cohen's Kappa Pakar 1 = 1

Jadual 5: Nilai Persetujuan dan Nilai Purata Menggunakan Cohen's Kappa (Pakar 2)

Bil	Tema	Sub-Tema	Kategori	Bilangan Keseluruhan Kategori Sebelum Disetujui	Item Kekal	Item Gugur	Item Murni	Bilangan Keseluruhan Kategori Setelah Disetujui																
1.	Pengalaman Kehidupan Mak Nyah	Memahami Jenis Transgender	Pengalaman waktu kecil	4	4	0	0	4																
				Pengalaman Membesar Menjadi Mak Nyah	Pengalaman waktu remaja & dewasa	34	34	0	0	34														
						Pengalaman Menjadi Mak Nyah	Faktor diri sendiri	78	78	0	0	78												
								Pengalaman Menjadi Mak Nyah	Faktor Keluarga	48	48	0	0	48										
										Pengalaman Menjadi Mak Nyah	Faktor Persekitaran	13	13	0	0	13								
												Pengalaman Menjadi Mak Nyah	Faktor Rakan	2	2	0	0	2						
														Jumlah		5	5	0	0	5				
																Jumlah		<b>184</b>	<b>184</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>184</b>		
																		Isu Akidah	Isu Kefahaman Perkara <i>al-Ilahiyyah</i>	6	1	5	0	1
																				Isu Akidah	Isu Kefahaman Ilmu Akidah	3	0	3
A) Isu Kefahaman Ilmu Akidah	Isu Kefahaman Perkara <i>al-Nabawiyyah</i>	10	1																			2	7	8
		A) Isu Kefahaman Ilmu Akidah	Isu Kefahaman Perkara <i>al-Sam'iyah</i>	<b>19</b>	<b>2</b>																	<b>10</b>	<b>7</b>	<b>9</b>
				Isu Akidah	Isu Penghayatan Ilmu Akidah	16	7															9	0	7
						Isu Akidah	Isu Penghayatan Ilmu Akidah	1	0													1	0	0
								B) Isu Penghayataan Ilmu Akidah	Isu Penghayatan Perkara <i>al-Nabawiyyah</i>	7	7											0	0	7
										B) Isu Penghayataan Ilmu Akidah	Isu Penghayatan Perkara <i>al-Sam'iyah</i>	<b>24</b>	<b>14</b>									<b>10</b>	<b>0</b>	<b>7</b>
												Jumlah (A + B)		<b>43</b>	<b>16</b>							<b>20</b>	<b>0</b>	<b>16</b>
														Konsep Taubat	Pengetahuan Tentang Ilmu Akidah	Pengetahuan Perkara <i>al-Ilahiyyah</i>	31					14	17	0
																	Konsep Taubat	Pengetahuan Tentang Ilmu Akidah	Pengetahuan Perkara <i>al-Nabawiyyah</i>			7	4	3

		Pengetahuan Perkara <i>al-Sam'iyah</i>	9	9	0	0	9
<b>A)</b>	<b>Pengetahuan Tentang Ilmu Akidah</b>		<b>47</b>	<b>27</b>	<b>20</b>	<b>0</b>	<b>27</b>
		Kefahaman Perkara <i>al-Ilahiyyah</i>	9	5	4	0	5
Konsep Taubat	Kefahaman Tentang Ilmu Akidah	Kefahaman Perkara <i>al-Nabawiyyah</i>	1	1	0	0	1
		Kefahaman Perkara <i>al-Sam'iyah</i>	8	6	2	0	6
<b>B)</b>	<b>Kefahaman Tentang Ilmu Akidah</b>		<b>18</b>	<b>12</b>	<b>6</b>	<b>0</b>	<b>12</b>
		Penghayatan Perkara <i>al-Ilahiyyah</i>	25	25	0	0	25
Konsep Taubat	Penghayatan Tentang Ilmu Akidah	Penghayatan Perkara <i>al-Nabawiyyah</i>	4	4	0	0	4
		Penghayatan Perkara <i>al-Sam'iyah</i>	4	4	0	0	4
<b>C)</b>	<b>Penghayatan Tentang Ilmu Akidah</b>		<b>33</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>33</b>
	<b>JUMLAH (A + B + C)</b>		<b>98</b>	<b>60</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>72</b>

$$\begin{aligned} Fa & : (18+16+72) = 272 \\ Fc & : 325/2 = 162.5 \\ N & : 325 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Nilai Persetujuan Cohen's Kappa } K & = \frac{Fa - Fc}{N - Fc} \\ \frac{272 - 162.5}{325 - 162.5} & = \frac{109.5}{162.5} = 0.67 \end{aligned}$$

- Fa ialah bilangan item/unit yang dinilai persetujuan oleh setiap pakar
- Fc ialah 50 peratus jangkakan persetujuan
- N ialah jumlah bilangan item/unit yang dinilai persetujuan
- Nilai persetujuan Cohen's Kappa Pakar 2 = 0.67

**Purata Persetujuan Antara Pakar-pakar**

$$\frac{1 + 0.67}{2} = \frac{1.67}{2} = K \ 0.84$$

Pengkaji menggunakan skala persetujuan menurut saranan Cohen 1960 dalam Stamler (2001) seperti jadual 4 dan 5 sebagai rujukan semasa menterjemahkan skala persetujuan Cohen's Kappa yang diberikan oleh setiap pakar. Semasa menganalisis nilai skala Cohen's Kappa yang bernilai 0.60 atau lebih menggambarkan persetujuan yang baik yang diberikan oleh setiap pakar. Dalam kajian ini, pengkaji mendapati nilai purata persetujuan Cohen's Kappa yang diperolehi ialah  $k = 0.84$ . Ini menggambarkan tema, sub-tema dan kategori yang dibina berdasarkan unit temu bual berada dalam skala persetujuan yang sangat baik (almost perfect).

Jadual 6: Skala Persetujuan Berasaskan Nilai Cohen's Kappa (Sumber: Stemler 2010)

**Prosedur Penganalisan Data**

Bil	Nilai Cohen's Kappa	Skala Persetujuan
1.	< 0.00	Tiada persetujuan (No Agreement)
2.	0.00 – 0.20	Lemah (Slight)
3.	0.21 – 0.40	Sederhana (Fair)
4.	0.61 – 0.80	Baik (Substantial)
5.	<b>0.81 – 1.00</b>	<b>Sangat Baik (Almost Perfect)</b>

Pengkaji telah menggunakan perisian NVivo 12 dalam menguruskan timbunan data yang diperoleh melalui teknik temu bual, pemerhatian dan kutipan dokumen dalam proses menganalisis data. Penggunaan perisian NVivo 12 bertujuan menguruskan data kualitatif dengan baik dan teratur kerana perisian NVivo 12 mampu menyusun tema-tema dari semua data yang diperoleh oleh pengkaji. Bagi memastikan tema-tema yang terhasil adalah tepat, pengkaji mengulang proses membaca untuk memberi makna kepada ayat dalam verbatim tersebut.

**DAPATAN KAJIAN**

Keseluruhan perbincangan mengenai dapatan kajian telah dibahagikan kepada tiga dapatan utama. Dapatan pertama pengkaji peroleh dalam memahami jenis transgender, proses membesar menjadi mak nyah dan pengalaman menjadi mak nyah ketika mereka dewasa. Didapati bahawa mak nyah ini boleh dikategorikan kepada dua bahagian iaitu mak nyah jenis bekerja '*high class*' dan mak nyah jenis lorong '*low class*'. Kebiasaannya personaliti jenis mak nyah bekerja ini adalah sama seperti mak nyah lain cuma yang membezakannya mereka ini menyara kehidupan melalui duit gaji yang diterima hasil pekerjaan masing-masing. Dalam proses menjadi mak nyah terdapat banyak ciri-ciri yang menyumbang kepada faktor kemenjadian mereka kepada mak nyah terutamanya ketika di usia masih kecil dan remaja sebagai contoh gemar dipakaikan baju perempuan, suka berkawan dengan perempuan dan budak OKU, adik beradik ramai perempuan, kurang kasih sayang dari seorang ayah dan sebagainya. Antara pengalaman mereka menjadi mak nyah pula terdapat beberapa faktor utama antaranya diri sendiri, faktor keluarga, faktor persekitaran dan faktor rakan-rakan. Keempat-empat faktor ini mempunyai kaitan antara satu sama lain dalam menyumbang kepada perlakuan transgender mak nyah.

Bagi dapatan kedua pengkaji dapati, terdapat dua isu utama yang menjadi punca berlakunya perlakuan transgender ini antaranya isu pemahaman dan penghayatan dalam perkara al-Ilahiyat dan al-Sam'iyat. Kedua-dua perkara ini mempunyai perkaitan yang amat ketara kerana ia melibatkan kepada rukun iman bagi setiap umat Islam. Dari segi pemahaman dalam perkara ini, pengkaji dapati mereka ini kurang faham dengan tanggungjawab yang telah Allah amanahkan kepada mereka sehingga mereka sanggup mempertikaikan ujian yang telah Allah beri kepada mereka. Mereka juga sering menyalahkan kepada takdir kerana tidak yakin dengan qada' dan qadar Allah SWT yang telah menjadikan mereka sebagai seorang lelaki.

Selain itu juga bagi isu penghayatan perkara al-Ilahiyat dan al-Sam'iyat di dapati mereka ini jarang melakukan solat fardu. Mereka juga tidak takut dengan dosa dan sentiasa memikirkan untuk keseronokan di dunia sahaja. Insaf mereka adalah insaf sekadar lafaz tanpa menghayatinya dalam bentuk perlakuan amal ibadat kepada Allah SWT. Mereka juga telah mengambil dan menggunakan perkara yang berunsurkan syirik sebagai contoh mengambil pelaris, pendinding, susuk, tangkal dan ada pedamping untuk menjaga mereka dan

menampakkan kecantikan pada tubuh badan dan wajah mereka.

Bagi dapatan ketiga pula, pengkaji mendapati konsep taubat yang dapat dilihat dalam kajian ini adalah kemampuan transgender mak nyah dalam proses menghayati konsep taubat yang telah mereka ikrarkan dan ta'kidkan kepada Allah SWT dan diterjemahkan dalam bentuk istiqomah melalui pelaksanaan amal ibadat. Ibadat ialah satu amalan yang meliputi semua perkara yang disukai oleh Allah SWT dan diredhai-Nya iaitu dari segi akidah (pegangan atau iktikad), amalan hati, amalan anggota dan semua amalan yang mendekatkan diri kepada Allah bermula dari perbuatan yang wajib dilakukan dan perbuatan yang wajib ditinggalkan. (Abdul Basit Abd Rahman, 1422H). Mizan Adiliah et al. (2006) menjelaskan, menurut Imam al-Ghazali proses taubat adalah melalui beberapa peringkat dan pemulihan diri dalam Islam dan ia boleh diistilahkan sebagai *tazkirah al-nafs*. Terminologi *tazkirah al-nafs* bermaksud penyucian jiwa dan akal manusia dari kekotoran dosa dan penyelewengan serta ia adalah proses penting untuk kembali kepada fitrah.

Ibadat yang dimaksudkan dalam perbincangan ini boleh dikategorikan sebagai amalan *tazkirah al-nafs* atau penyucian jiwa yang telah dibahaskan oleh Imam al-Ghazali dalam ilmu tasawwuf dan boleh diaplikasikan kepada golongan transgender yang ingin bertaubat iaitu; i) Amalan *Mu'aqobah* (Menghukum diri); ii) Amalan *Muhasabah* (Menilai diri); iii) Amalan *Mujahadah* (Bersungguh-sungguh) dan; iv) Amalan *Muraqabah* (Mendekati) (Rosihon Anwar, 2005). Dapatan kajian ini mendapati antara amalan *mu'aqobah* yang telah dilakukan oleh peserta kajian seperti sentiasa melakukan iktikaf di masjid. Selain itu juga mereka ini sentiasa dalam keadaan berwuduk. Dalam pada itu mereka juga cukup menjaga amalan-amalan solat fardu dan sunat mereka. Bagi amalan *muhasabah* ini, dapatan kajian mendapati golongan transgender ini akan sentiasa bermuhasabah dengan diri sendiri dengan selalu bermohon kepada Allah agar dapat mengawal nafsu mereka agar tidak kembali ke jalan yang tidak diredhai oleh Allah SWT. Mereka juga telah kesal dengan segala dosa-dosa yang pernah mereka lakukan. Kadang-kala sebahagian peserta kajian ini berasa sedih sekiranya terlewat atau ketinggalan untuk ke masjid sekiranya terpaksa menyelesaikan tugas harian yang perlu dilaksanakan. Mereka sangat bersyukur kerana mereka adalah orang yang Allah telah pilih untuk diberi petunjuk dan dapat melakukan amalan taubat agar tidak terus terpesong dengan kehidupan yang di luar normal.

Bagi amalan *mujahadah* yang dilakukan oleh peserta kajian ini seperti menanam rasa kececalan dan ketekadan hati apabila dalam proses ingin berubah. Ini kerana cabaran yang dihadapi semasa dalam proses ingin berubah itu merupakan satu proses yang agak sukar terutama dalam perkara mengawal nafsu (*mujahadah al-nafs*). Selain itu juga, bagi amalan *muraqabah* pengkaji mendapati mereka ini sentiasa mengamalkan rasa bersyukur dan sentiasa merendahkan diri dengan segala amalan yang mereka lakukan. Mereka selalu bermohon agar Allah SWT menjauhkan perasaan riak, takabur dan sombong sepanjang mereka menjalani poses perubahan. Selain itu juga mereka berusaha dalam mendekati rakan-rakan mereka yang masih belum berubah agar sama-sama kembali bertaubat kepada Allah SWT.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya pengkaji dapati banyak penemuan baru yang diperolehi daripada peserta kajian apabila membincangkan isu yang berkaitan dengan akidah transgender mak nyah dan konsep taubat melalui pemikiran Imam al-Ghazali yang telah dibahaskan di dalam kitab terkenal beliau iaitu Minhajul Abidin (Ghazali, 1995). Hasil kajian mendapati bahawa melalui kaedah yang dipandu oleh Imam al-Ghazali dalam penerapan ilmu akidah seseorang perlulah diasaskan oleh tiga perkara iaitu memperolehi ilmu pengetahuan, seterusnya peringkat pemahaman dan akhir sekali kepada peringkat penghayatan terhadap sesuatu ilmu pengetahuan. Memang ia sangat relevan dan sangat signifikan untuk diguna pakai dalam

proses menyantuni dan mentarbiah golongan transgender mak nyah ke arah yang lebih baik.

Apabila seseorang itu meletakkan ilmu akidah sebagai pegangan hidup mereka secara tidak langsung ia akan dapat meningkatkan hubungan manusia dengan Allah SWT, hubungan manusia dengan Malaikat Allah, hubungan manusia dengan Kitab-kitab Allah, hubungan manusia dengan Nabi dan Rasul, hubungan manusia dengan Hari Kiamat dan hubungan manusia dengan Qada' dan Qadar Allah SWT.

Berdasarkan kepada dapatan kajian ini juga dapat dirumuskan bahawa konsep taubat yang telah diaplikasikan oleh peserta kajian dalam kajian ini boleh dijadikan sebagai salah satu garis panduan untuk diaplikasikan kepada golongan transgender mak nyah lain terutama dalam proses membantu mengembalikan mereka kepada akidah yang sebenar. Selain itu juga merujuk kepada konsep taubat yang telah diajar oleh Imam al-Ghazali seperti yang dibincangkan dalam kajian ini boleh diguna pakai dan diaplikasikan terhadap golongan transgender mak nyah yang ingin bertaubat. Ini kerana konsep taubat yang dibincangkan ini mempunyai hubung kait dalam proses penyucian hati kepada mereka yang telah melakukan maksiat kepada Allah SWT.

## RUJUKAN

- Abdul Basit bin Abdul Rahman (Alih Bahasa). (1422H). *Rukun Iman*. Madinah: Universiti Uskam Madinah Jabatan Kajian Ilmiah Bahagian Terjemahan (Abdul Uthman Ismail, 2014).
- Abu Uthman Ismail Terj. Abid Muhammad Noor Terj. (2014). *Aqidah yang Membawa ke Syurga*. Kuala Lumpur: Group buku Karangraf.
- Ahmad Dasuki al-Qari. (2015). *Bahaya Murtad, Kembali Kepada Akidah Ahli Sunnah wa-al Jamaah*. Kuala Lumpur: Clobal Publishing & Distributor.
- Bogdan, R. C. & Biklen, S. K. (1998). *Qualitative Research for Education: An introduction to Theories and Methods*. USA: Allyn & Bacon.
- Creswell, J. W. (2013). *Qualitative Inquiry & Research Design: Choosing Among Five Approaches*. United State of America: SAGE Publication, Inc.
- Faizuri Abd. Latif. (2010). *Kefahaman Ilahiyyat dalam Meningkatkan Profesionalisme Menurut Syeikh Zainal Abidin Al-Fatani*. Jurnal Usuluddin. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ghazali, (al). *Minhajul Abidin*, terj. Oleh Abul Hiyadh. Surabaya: Mutiara Ilmu, 1995; dan edisi terj. Oleh M. Rofiq. Yogyakarta: Diva Press: serta edisi terj. Oleh R. Abdullah b. Nuh. Jakarta: Mizan, 2014.
- Glesne, C. & Peshkin, P. (1992). *Becoming Qualitative Researches: An Introduction*. New York: Logman.
- Guba, E. G. & Lincoln, Y. S. (1982). *Epistemological and Methodological Bases of Naturalistic Inquiry*. Educational Communication & Technology.
- Kidder. (1981). *Research Methods in Social Relations*. New York: Rinehart & Winston.
- Manual Islam & Mak Nyah*. (Tanpa Pengarang). (2013). Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Marohaini Yusoff. (2013). *Pertimbangan Kritikal dalam Pelaksanaan Kajian kes Secara Kualitatif. Penyelidikan Kualitatif Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Merriam, S. (2009). *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation*. United States of America: Jossey-Bass A Wiley Imprint.
- Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim, Wan Muhd Fazrul Azdi Wan Razali dan Hanit Osman (2006).



- Kaunseling Dalam Islam*. Nilai: Univesiti Sains Islam Malaysia (USIM).
- Mohd Aizam Mas'od. (1976). *Diskusi Isu Aqidah dan Pemikiran Semasa di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Mohd Fauzi bin Hamat. (2007). *Hak Asasi Manusia Menurut Syarak*. Jurnal Penyelidikan Islam, Bil 20. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Muhd Najib bin Abd Kadir. PhD, Mazlan bin Ibrahim. PhD, Mohd Izwan bin Md Yusof. (2013). *Persepsi Komuniti LGBT (Lesbian, Gay, Biseksual dan Trangender) Muslim Terhadap Nas al-Quran*. Jurnal ILIM IIstitut Latihan Islam Malaysia. Bil. 6. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Noor Hafizah Haridi, Kamal Azmi Abd. Rahman, Rosni Wazir. (2016). *Metodologi Dakwah Terhadap Golongan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT)*. Jurnal Pengajian Islam Bil 9, Isu II. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Patton, M. Q. (1990). *Qualitative Evaluation and Research Methods*. California: SAGE Publication, Inc.
- Rosihon Anwar. (2005). *Tafsir Esoterik Menurut Pandangan al-Thabathaba'i*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Salahuddin Abdullah & Omar Khalid. (2009). *Tafsir Mubin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka
- Suseela, M. (2013). *Pengumpulan dan Analisis Data Kualitatif: Satu Imbasan. Penyelidikan Kualitatif Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.